



*Ruj. Tuan :*

*Ruj. Kami :* KP(BS)8591/Jld.VI/ (30)

*Tarikh :* 12 September 1991

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Tuan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 8/1991 :**  
**Perjumpaan Pengarah Pendidikan Negeri**  
**Dengan Kesatuan-Kesatuan Guru**

Kementerian Pendidikan bertanggungjawab memastikan segala dasar dan program pendidikan yang dilaksanakan di sekolah berjalan dengan lancar serta mencapai kejayaan bertepatan dengan hasrat dan matlamat dasar pendidikan negara. Kerana itu, Kementerian Pendidikan merasakan amat perlu diwujudkan satu bentuk forum yang dapat menjalin persefahaman dan kerjasama dua hala di antara Pengarah Pendidikan Negeri dengan Kesatuan Guru, supaya sebarang kekeliruan atau salah faham daripada pelaksanaan program dan projek pendidikan, termasuk hal-hal perkhidmatan guru, dapat dielakkan.

2. Untuk tujuan ini maka semua Pengarah Pendidikan Negeri adalah diminta mengadakan pertemuan dengan Kesatuan-Kesatuan Guru sekurang-kurangnya dua kali setahun. Segala urusan mengenai tarikh, masa dan agenda pertemuan adalah terserah kepada budi bicara Pengarah Pendidikan Negeri masing-masing.

Sekian bagi makluman dan tindakan tuan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN ARSHAD**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Datuk Dr. Sulaiman Haji Daud  
Menteri Pendidikan Malaysia
  2. Y.B. Dr. Leo Michael Toyad  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  3. Y.B. Dr. Fong Chan Onn  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan
  5. Timbalan Ketua Setiausaha I  
Kementerian Pendidikan
  6. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I  
Kementerian Pendidikan
  7. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II  
Kementerian Pendidikan
  8. Timbalan Ketua Setiausaha II
  9. Semua Ketua Bahagian  
Kementerian Pendidikan
  10. Ketua Nazir  
Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan
  11. Ketua Perhubungan Awam  
Kementerian Pendidikan